

# Kenyataan Media

## Press Release

### Untuk Siaran Segera

#### **SKMM MENGAMBIL LANGKAH UNTUK MENINGKATKAN KETELUSAN MELALUI PENGASINGAN PERAKAUNAN DI DALAM SEKTOR KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

Cyberjaya, 7 September 2012 – Tidak lama lagi syarikat telekomunikasi dikehendaki menyediakan penyata kewangan berasingan berdasarkan perkhidmatan borong dan runcit untuk pengawalselia sebagai usaha meningkatkan ketelusan dalam industri.

Kertas siasatan awam yang telah diterbitkan hari ini mengenai cadangan Rangka Kerja Pengasingan Perakaunan dan Pelan Pelaksanaan adalah langkah penting yang telah diambil oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) ke arah peningkatan ketelusan di dalam operasi industri.

“Kami percaya bahawa rangka kerja pengasingan perakaunan yang teguh akan meningkatkan tahap persaingan di dalam industri yang akan membawa manfaat kepada pengguna dalam jangka panjang,” kata Pengerusi SKMM, Dato’ Mohamed Sharil Tarmizi.

Beliau menambah, “Pengasingan perakaunan juga akan membawa faedah strategik kepada syarikat pembekal perkhidmatan kerana mereka akan memahami secara mendalam mengenai kos unit, keuntungan berdasarkan perkhidmatan-perkhidmatan yang berlainan serta kesan perubahan teknologi terhadap keuntungan.

Matlamat pengasingan perakaunan adalah untuk mengurangkan tahap ketidakseimbangan maklumat di samping meningkatkan tahap ketelusan. Pengasingan perakaunan, bersama instrumen kawalselia yang sedia ada akan digunakan oleh SKMM untuk menangani dan mengelak tingkahlaku anti-persaingan dalam industri telekomunikasi. Apabila pengasingan perakaunan dilaksanakan, penyedia perkhidmatan dikehendaki menyediakan penyata kewangan bagi setiap perkhidmatan borong dan runcit seolah-olah ia adalah perniagaan yang berasingan.

SKMM bercadang akan melaksanakan pengasingan perakaunan secara berperingkat, di mana pengasingan perakaunan adalah berdasarkan

# Kenyataan Media

## Press Release

kos sejarah pada tahun 2013, dan beralih kepada perakaunan kos nilai semasa mulai tahun 2014.

"Orang ramai dipelawa untuk menyertai Siasatan Awam ini dengan mengemukakan ulasan bertulis mengenai perkara-perkara yang dibincangkan dalam Kertas Siasatan Awam. Dokumen-dokumen boleh dimuat turun dari laman web SKMM di <http://www.skmm.gov.my>," kata Dato' Mohamed Sharil.

[Tamat]

---

### **Nota kepada Editor:**

Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media. Harap maklum. Terima kasih.

### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)**

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Muhamad Tahir Muhamad Noor  
Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Rahayu Abdul Aziz  
Timbalan Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Tel: +603 8688 8000

Faks: +603 8688 1007

E-mel: [ccd@cmc.gov.my](mailto:ccd@cmc.gov.my)